

Kecacatan tidak halang dua pelajar OKU lanjut pengajian di UPM

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI
berita@kosmo.com.my

SERDANG – Kecacatan tidak menghalang dua pelajar orang kelainan upaya (OKU) untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.


Bagi pelajar Sarjana Muda Mikrobiologi, Faziera Nur Idris, 20, kecakatan pada kaki akibat masalah saraf tidak memadamkan impiannya untuk meneruskan pengajian ke menara ga-

ding.
"Keluarga dan rakan-rakan banyak memberi semangat kepada saya supaya tidak menjadikan kekurangan diri sebagai alasan untuk tidak berjaya.

"Saya juga gembira kerana pihak pengurusan UPM juga menyediakan kemudahan untuk pelajar OKU bagi menjalani kehidupan di kampus seperti pelajar normal lain," katanya ketika ditemui pada majlis pendaftaran sesi akademik 2013/2014 universiti itu di sini.

Seramai 4,105 pelajar tempatan dan 116 antarabangsa ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di universiti berkenaan bagi sesi tersebut.

Seorang lagi pelajar OKU, Khaider Shahrul Ismail, 21, yang mengalami masalah kecederaan pada bahagian otak berkata,



MOHAMMAD SHATAR (kiri) membantu Khaider Shahrul turun dari kendaraan khas untuk OKU sambil diperhatikan Faziera (belakang, kanan) di Serdang semalam.

dia yakin dapat menyesuaikan diri dengan suasana di kampus itu.

"Saya berazam mendapat keputusan yang cemerlang bagi mencapai cita-cita untuk menjadi seorang pakar komputer," kata pelajar Sarjana Muda Sains Komputer Multimedia itu.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Mohammad Shatar Sabran berkata, universiti itu bersedia untuk menambah bilangan pelajar OKU kerana telah mempunyai kemudahan untuk golongan berkenaan.